

# Meningkatkan Sistem Penguatkuasaan Alam Sekitar

**K**etua Menteri, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Haji Satem menegaskan bahawa antara faktor yang menyebabkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar di negara ini adalah kelemahan sistem penguatkuasaan.

Meskipun Malaysia mempunyai undang-undang alam sekitar, disebabkan kurangnya tindakan diambil keadaan sungai kian tercemar kesan daripada kegiatan manusia yang tidak terkawal seperti aktiviti pembalakan, perindustrian, dan pembuangan sampah sarap yang turut menghalang aliran semulajadi.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2016 Peringkat Kebangsaan di Tebingan Sungai Kuching pada 22 Oktober.

HASN 2016 yang bertema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" mencerminkan usaha yang berterusan untuk mencetus pembentukan minda rakyat kelas pertama yang benar-benar cintakan kemampunan dan pemuliharaan alam sekitar.

Ketua Menteri memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan sentiasa menitikberatkan kebersihan alam sekitar dan usaha untuk mengatasi pencemaran.

Alam sekitar, hutan dan kepelbagaian biodiversiti sentiasa berada dalam hati Ketua Menteri, justeru pelbagai usaha dan inisiatif termasuk transformasi dalam pengurusan dan pemeliharaan sumber asli di negeri ini dilaksanakan sejak beliau mengambil alih tampuk kepimpinan negeri ini.

Pelbagai dasar baharu dalam pengurusan dan pemeliharaan sumber hutan dan biodiversiti telah diperkenalkan sebagai komitmen Kerajaan Negeri memastikan sumber asli diurus secara berkekalan kerana ia antara penyumbang penting pendapatan ekonomi Sarawak.



Menurut beliau, polisi yang ada di Sarawak berkenaan dengan pemuliharaan sumber asli dan pertumbuhan ekonomi sememangnya telah dirangka dan dilaksanakan secara sistematik.

Misalnya, satu pelan induk untuk hidupan liar (*Master Plan for Wildlife in Sarawak*) telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri sebagai panduan untuk mengimbangi keperluan antara pemuliharaan hidupan liar dan sumber asli dengan keperluan pembangunan ekonomi dan sosial negeri Sarawak.

Kerajaan Negeri juga telah menggariskan dasar guna tanah yang terancang dan jelas untuk pertanian, perhutanan dan lain-lain kegunaan dengan mengambil kira keperluan ekonomi, sosial serta keseimbangan alam sekitar.

Selaras dengan dasar Pengurusan Hutan Mapan, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan 7 juta hektar kawasan hutan simpan, termasuk 6 juta hektar untuk Permanent Forest Estates (*Forest Reserve, Protected Forest dan Communal Forest*) dan 1 juta hektar untuk *Totally Protected Areas* (*National Park, Nature*

*Reserve dan Wildlife Sanctuary*).

Setakat tahun 2015, Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 4.32 juta hektar tanah negeri sebagai *Permanent Forest Estates* dan 0.61 juta hektar sebagai *Totally Protected Areas*.

Sehubungan itu, Malaysia telah membuat komitmen di Persidangan Rio dan forum-forum antarabangsa yang lain untuk mengekalkan seluas 50 peratus kawasan berhutan di negara ini.

Jelas beliau, Sarawak memiliki 65 peratus kawasan berhutan (*forested area*), satu testimoni yang menggambarkan komitmen Kerajaan Negeri dalam pengurusan hutan secara berkekalan bagi menangani isu-isu global seperti perubahan iklim, penyahhutan dan sebagainya.

Untuk memastikan strategi ini berjaya, beliau berharap Kerajaan Persekutuan dapat memberikan peruntukan tambahan kepada Kerajaan Negeri agar program pemeliharaan sumber asli di Sarawak dapat dilaksanakan.

Komitmen Kerajaan Negeri turut dipertingkatkan dengan mengeluarkan arahan kepada enam pelesen utama